LATIHAN AYAT AKTIF & AYAT PASIF PDPR

NAMA: **KELAS:**

Tukarkan ayat pasif kepada ayat aktif di bawah.

Contoh: Pokok ditebang oleh Pak Samad di belakang rumah.

JAWAPAN: Pak Samad menebang pokok di belakang rumah.

LATIHAN 1

Tukarkan ayat pasif di bawah ini kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asalnya.

(i) Hubungan mesra antara rakyat pelbagai kaum dapat dieratkan oleh sambutan rumah terbuka semasa perayaan.

(ii) Masa dan tenaga telah anda habiskan untuk menyiapkan tugasan yang diberikan oleh guru.

(iii) Rakyat asing yang masuk secara haram telah ditahan oleh pegawai imigresen ketika bot mereka tiba di Pantai Samudera.

[6 *markah*]

i. _____

_____

ii. _____

_____

iii. _____

_____

LIVEWORKSHEETS

LATIHAN 2

Tukarkan ayat pasif di bawah kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asalnya.

(i) Tanggungjawab menyara keluarga akan saya pikul setelah ayah meninggal dunia.

(ii) Kerja-kerja pengukuhan cerun bukit yang sering berlaku tanah runtuh sedang giat dijalankan oleh pihak Jabatan Kerja Raya.

(iii) Semenjak program kitar semula dilancarkan oleh kerajaan, tahap kesedaran orang ramai terhadap penjagaan alam sekitar semakin meningkat.

[6 *markah*]

i. _____

_____

ii. _____

_____

iii. _____

_____

LATIHAN 3

Tukar **ayat pasif** *yang berikut kepada* **ayat aktif** *tanpa mengubah maksud asalnya.*

(i) Tarikh luput sesuatu barangan hendaklah kamu teliti sebelum membelinya.

(ii) Majalah yang mempunyai maklumat tentang flora dan fauna telah saya baca.

(iii) Orang ramai dinasihati oleh doktor supaya minum air yang banyak ketika musim panas.

[6 *markah*]

i. _____

ii. _____

iii. _____

_____

LIVEWORKSHEETS